

Dua warga emas tipu pakej umrah ditahan

Kuantan: Dua warga emas wanita ditahan dipercayai terbabit dalam sindiket penipuan pakej umrah membabitkan 19 mangsa dengan kerugian kira-kira RM41,800.

Suspek berusia 50 dan 60 tahun itu ditahan di dua lokasi berasingan, iaitu di sebuah rumah di Taman Pelangi Sentul dan pusat perniagaan Platinum Walk, Setapak, Kuala Lumpur, antara jam 5.25 petang dan 6 petang kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek menawarkan pakej umrah yang tidak wujud kepada mangsa sehingga mendorong mangsa memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun suspek.

"Mangsa ditawarkan pakej untuk menunaikan umrah dengan sebuah syarikat pada 21 November lalu melalui penama Kak Aishah.

"Mangsa mendakwa Kak Aishah memaklumkan sebahagian daripada perbelanjaan umrah itu ditanggung oleh penaja bergelar Datuk berjumlah RM5,000 dan peserta hanya perlu membayar RM2,200 seorang.

"Terpengaruh dengan pakej ditawarkan, mangsa memasukkan bayaran RM2,200 pada 27 November ke akaun atas nama sebuah syarikat lain.

"Mangsa turut dimaklumkan oleh suspek mengenai tarikh berlepas adalah pada 1 Disember lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, bagai-



Mohd Wazir Mohd Yusof

manapun pada pertengahan Disember, suspek memaklumkan kepada mangsa bahawa umrah berkenaan ditunda ke 20 Disember.

Katanya, namun pada 19 Disember, suspek menyatakan kepada peserta yang ingin menarik diri daripada mengerjakan umrah boleh berbuat demikian dan wang mereka akan dikembalikan dalam tempoh tiga minggu.

"Mangsa menarik diri daripada program itu, namun sehingga kini masih belum mendapat bayaran balik, cuma pada pertengahan Januari lalu mangsa hanya menerima kembali pasport, kad suntikan serta dua keping gambar.

"Mangsa kemudian menerima pemakluman melalui WhatsApp bahawa wang milik mereka akan dikembalikan pada 14 Mac lalu, namun sehingga laporan polis dibuat, mangsa belum menerimanya," katanya.

Mohd Wazir berkata, polis sudah mendapatkan perintah reman selama tiga hari sehingga hari ini ke atas kedua-dua suspek untuk siasatan lanjut.